

## Di mana pemohon adalah Perniagaan Tunggal/ Perkongsian/ Individu

Dokumen-dokumen tambahan yang mungkin diperlukan oleh institusi kewangan untuk menyokong permohonan.

Senarai ini boleh ditambah. Bank mungkin akan meminta maklumat tambahan daripada pemohon, bergantung dari kes ke kes.

Jenis-jenis Dokumen	
<b>Seksyen 1</b>	<b>Maklumat tambahan perniagaan dan kewangan</b>
1	Permit-permit / lesen-lesen berkaitan
2	Aliran Tunai diunjurkan untuk 3 tahun berikutnya (di mana sesuai)
3	Risalah-risalah/ brosur-brosur produk (di mana dikehendaki)
4	Untuk pinjaman CGC - salinan borang pinjaman CGC.
<b>Seksyen 2</b>	<b>Maklumat sokongan untuk penjaminan</b>
1	Jika dijamin oleh penjamin individu: - dokumen sokongan penjamin individu seperti salinan kad pengenalan penjamin, salinan bukti pendapatan penjamin (Borang J) untuk 2 tahun terakhir, salinan penyata gaji bulanan untuk 3 tahun terakhir dan penyata akaun untuk 6 bulan yang lepas dengan lain-lain institusi kewangan.
2	Jika dijamin oleh penjamin-penjamin korporat: - dokumen sokongan penjamin korporat seperti profil syarikat, profil pengarah-pengarah, kakitangan pengurusan kanan dan orang-orang* berkaitan, pendaftaran perniagaan, Borang 24 (Penjualan saham) dan Borang 49 (butir-butir berkenaan dengan pengarah-pengarah, pengurusan dan setiausaha syarikat), akaun pembiayaan yang telah diaudit dan/ atau akaun pengurusan untuk 2 tahun terakhir.
3	Penyata cukai dan resit-resit cukai pemilik, rakan kongsi dan penjamin-penjamin dan lain-lain.
<b>Seksyen 3</b>	<b>Maklumat sokongan untuk pembiayaan hartanah</b>
1	Salinan perjanjian Jualbeli (SPA) atau salinan resit penempahan (jika SPA tidak boleh diperolehi), salinan laporan penilaian, salinan surat ikatan hakmilik dan 'Power of Attorney' (di mana sesuai). Satu salinan peta lokasi dan gambar-gambar harta tanah tersebut mungkin diperlukan (untuk kes-kes sementara menunggu laporan penilaian rasmi).
2	Salinan polisi insuran (di mana perlu)
3	Salinan cukai tanah dan cukai taksiran yang terkini (di mana perlu)
4	Perjanjian sewaan (di mana bersesuaian)

**Di mana pemohon adalah Perniagaan Tunggal/ Perkongsian/ Individu****Dokumen-dokumen tambahan yang mungkin diperlukan oleh institusi kewangan untuk menyokong permohonan.**

Senarai ini boleh ditambah. Bank mungkin akan meminta maklumat tambahan daripada pemohon, bergantung dari kes ke kes.

<b>Seksyen 4</b> Maklumat tambahan untuk pembayaran peralatan dan mesin	
1	Senarai dan huraian harta-harta tetap dan butiran peralatan dan mesin yang akan dibiayai.
<b>Seksyen 5</b> Maklumat tambahan untuk pembayaran semula pinjaman	
1	Lampirkan salinan surat tawaran daripada bank lain yang mengandungi maklumat seperti jenis pinjaman/ jumlah pinjaman/ cagaran/ kadar faedah/ terma-terma & syarat-syarat, dan lain-lain dan penyata pinjaman (jika pinjaman tetap - TL) atau penyata akaun (jika overdraf) atau kedua-duanya sekali.
<b>Seksyen 6</b> Maklumat tambahan untuk projek dan bantuan teknikal	
1	Salinan surat tawaran/ kontrak/ perjanjian-perjanjian dealers/ invois/ pesanan-pesanan belian.
2	Salinan kertas projek, perjanjian usahasama, perjanjian bantuan teknikal atau perjanjian pengurusan (di mana bersesuaian).
3	Keterangan dokumentari/ pengesahan atas penyelesaian hutang (untuk pemohon-pemohon yang mempunyai rekod buruk - melalui REKOD CCRIS, CTOS & DCHEQ).
4	Untuk permohonan daripada pemaju atau kontraktor - senarai projek yang telah dilaksanakan, projek-projek yang sedang dijalankan dan projek-projek yang telah masuk tender.
5	Akreditasi atau persijilan misalan CIDB, PKK, ISO dan lain-lain (di mana bersesuaian)
6	Salinan kok-kos pembinaan/ sebutharga daripada 2 kontraktor untuk perbandingan.
7	Untuk pembinaan/ pinjaman penyambung (bridging financing) - salinan kelulusan dari pihak berkuasa berkaitan terhadap bangunan/ pelan susunatur, lesen-lesen dan lain-lain (yang mana bersesuaian).
8	Untuk pinjaman penyambung (bridging financing) - laporan kebolehlaksanaan (di mana sesuai), kos projek dan peta lokasi. Sediakan aliran tunai diunjurkan untuk tempoh projek/kontrak tersebut.
<b>Seksyen 7</b> Maklumat tambahan untuk pembayaran kontrak	
1	Satu senarai projek yang sedang dijalankan dengan huraian seperti nilai kontrak, peratusan yang telah siap, baki kerja yang perlu dilaksanakan (jumlah kontrak) dan lain-lain lagi. Sediakan aliran tunai diunjurkan untuk tempoh projek/ kontrak tersebut.

\* Merujuk kepada pengarah-pengarah/ pemegang-pemegang saham (yang mana bersesuaian)